

PERLIS CYCLING CHALLENGE 2022 – PERATURAN AM

Tarikh diterbitkan: Isnin, 25 April 2022

- Penyertaan terbuka kepada semua pemegang MyKad.
- Had umur peserta adalah mengikut tahun kelahiran.
- Peserta untuk Perlumbaan Roadbike perlu memiliki lesen Perlumbaan dari Persekutuan Berbasikal Malaysia (MNCF) (Laman sesawang: <https://mncf.my>)
- Setiap peserta perlu menandatangani “Indemnity Letter” semasa mendaftar.
- Pihak penganjur berhak mengubah sebarang jadual dan peraturan bagi menyesuaikan dengan situasi semasa dan selepas perlumbaan.
- Semua peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am dan Peraturan Teknikal Perlis Cycling Challenge yang berdasarkan kepada syarat dan peraturan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia.
- Keputusan perlumbaan akan dipamerkan pada Result Board sebaik sahaja perlumbaan tamat. Keputusan pengadil adalah muktamad.
- Setiap peserta perlu membayar deposit *Transponden* kepada pembekal semasa pendaftaran sebelum berlumba. Deposit akan dikembalikan selepas *Transponden* diserahkan kembali.
- Semua peserta perlu mematuhi setiap arahan penganjur dan juga petugas petugas semasa, sebelum dan selepas perlumbaan.

PERLIS CYCLING CHALLENGE 2022 – PERATURAN TEKNIKAL

Novice Open: Kategori ini khas untuk peserta baru atau tidak pernah berlumba dalam mana-mana perlumbaan yang dianjurkan di Malaysia. Semua jenis basikal dibenarkan digunakan untuk berlumba dan mempunyai ciri-ciri keselamatan paling minimum atau sekurang-kurangnya mempunyai 1 brek. Tiada had umur untuk Lelaki dan Wanita.

Under 23: Peserta yang lahir pada tahun 1999 dan selepas. Pemegang lesen MNCF 2022, Road Bike, tiada team race. 6 pusingan, feeding selepas pusingan 1 dan tamat pada pusingan 5. TEAM CAR tidak dibenarkan, pembaikan hanya di lokasi yang ditetapkan sahaja. Lelaki dan Wanita.

Elite Open: Peserta yang lahir pada tahun 1988 hingga 1998, Pemegang lesen MNCF 2022, Road Bike, tiada team race. 6 pusingan, Feeding selepas pusingan 1 dan tamat pada pusingan 5. TEAM CAR tidak dibenarkan, pembaikan hanya di lokasi yang ditetapkan sahaja. Lelaki dan Wanita.

Master Open: Peserta yang lahir pada tahun 1968 hingga 1987, Pemegang lesen MNCF 2022, Road Bike, tiada team race. 5 pusingan, Feeding selepas pusingan 1 dan tamat pada

pusingan 4. TEAM CAR tidak dibenarkan, pembaikan hanya di lokasi yang ditetapkan sahaja. Lelaki dan Wanita.

Super Master Open: Peserta yang lahir sebelum dan tahun 1967 dan sebelum, Pemegang lesen MNCF 2022, Road Bike, tiada team race. 4 pusingan, Feeding selepas pusingan 1 dan tamat pada pusingan 3. TEAM CAR tidak dibenarkan, pembaikan hanya di lokasi yang ditetapkan sahaja. Lelaki dan Wanita.

Touring Bike, Folding Bike dan Mountain Bike, Hybrid Bike Fun Race: 1 pusingan, Tiada had umur, basikal yang mempunyai ciri keselamatan yang asas adalah dibenarkan untuk menyertai. Peserta secara berkeluarga juga digalakkan

MAKLUMAT AM

- Semua kategori akan dilepaskan secara “Mass Start”.
- Pelumba perlu memakai pakaian yang sesuai untuk kayuhan.
- Bagi peserta yang surrender atau give up , sila lapor kepada marsyal bertugas.
- Ambulan disediakan di lokasi “Start/Finish”.
- Laluan akan ditandakan dengan Penunjuk Arah berwarna kuning dan hitam.
- Laluan: sila semak peta laluan.
- Neutral Car dan Mekanik akan disediakan oleh penganjur, hanya semasa perlumbaan dijalankan sahaja.
- Segala perubahan syarat dan peraturan Perlis Cycling Challenge ini akan dikemaskini dalam laman sesawang ini. Harap selalu membuka laman sesawang ini.